

>>Oleh Syarifah Dayana

Syed Bakri

dayana@hmetro.com.my

MyKad siap satu hari

Harian metro 21/05/2010 M15 35

JPN mohon peruntukan RM600,000 naik taraf sistem

PUTRAJAYA: Orang ramai dijangka tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan

MyKad mereka selepas proses menaik taraf sistem pemrosesan kad pengenalan dilakukan menerusi peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

Ketua Pengarah JPN, Datuk Alwi Ibrahim berkata, pihaknya akan memohon peruntukan bagi membeli peralatan baru termasuk mesin pencetak yang dianggar bernilai RM600,000 setiap satu untuk mempercepatkan proses pengeluaran MyKad.

“Oleh itu, masalah kelewatan mengeluarkan MyKad atau MyKid boleh diatasi berikutan selama ini hanya boleh dikeluarkan Ibu Pejabat JPN di Putrajaya.

“Sekiranya pembelian peralatan baru itu diluluskan, orang ramai boleh mendapatkan MyKad mereka dalam tempoh 24 jam selepas permohonan dibuat,” katanya selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang kepada lebih 300 warga JPN di sini, semalam.

Alwi berkata, kerjasama

JPN dengan beberapa unit beruniform sejak Januari lalu menyaksikan lebih 385,000 MyKad berjaya diserahkan kepada pemilikinya termasuk di kediaman masing-masing.

Beliau berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Rela dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk menyerahkan kira-kira 15,000 MyKad yang masih belum dituntut kepada pemilikinya dalam tempoh terdekat.

“Selepas pengumuman, JPN akan bekerjasama dengan unit beruniform untuk tugas penyerahan MyKad



ALWI...tidak perlu tunggu lama

itu, ramai yang menyerbu pejabat JPN di seluruh negara untuk menuntut MyKad masing-masing.

“Kerjasama itu dijangka dapat membantu menyele-

saikan masalah pemohon tidak menuntut MyKad masing-masing,” katanya.

Selain itu, Alwi berkata, JPN akan terus meningkatkan kerjasama dengan agensi lain bagi membantu menyelesaikan masalah penduduk tanpa dokumen pengenalan diri di Sabah dan Sarawak dalam tempoh terdekat.

Sebelum ini, media melaporkan lebih 25,254 penduduk di Sarawak masih tiada dokumen pengenalan diri, membabitkan penduduk tempatan yang tidak memohon serta penduduk warga asing yang lama menetap di negeri itu.